

**Hasrat ECM Libra gagal  
Utusan Online  
October 01, 2011  
Oleh WAN NAJIB WAN DAUD**

KUALA LUMPUR 30 Sept. - Hasrat ECM Libra untuk mencalonkan dua pengarahnya ke Lembaga Pengarah Eastern Oriental (E&O) Bhd. (E&O), ditolak oleh para pemegang saham syarikat itu di dalam mesyuarat agung tahunan (AGM) yang berlangsung petang ini.

Penolakan pencalonan Mahadzir Azizan yang juga Pengarah ECM Libra Financial Group Bhd., dan peguam bela dan peguam cara, Leong Kam Weng mewakili 75 peratus undi yang dilakukan oleh para pemegang saham ketika mesyuarat agung tersebut berlangsung.

ECM Libra ketika ini memegang 6.25 peratus kepentingan di dalam E&O telah menyatakan untuk mencalonkan kedua-dua individu itu di dalam lembaga pengarah syarikat hartanah tersebut.

Timbalan Pengarah Urusan E&O, Chan Kok Leong berkata, pencalonan kedua-dua individu itu telah dimaklumkan menerusi notis yang dihantar kepada Bursa Malaysia, menerusi permintaan daripada ECML Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd.- Avenue Capital Resources Bhd. dan ECML Nominees (Tempatan) Sdn. Bhd-Libra Invest Bhd.

"Pencalonan kedua-dua individu itu ditolak oleh para pemegang saham walaupun terdapat 25 peratus daripada yang hadir menyokong pencalonan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan ke-84 syarikat itu di sini hari ini.

Selain itu, kata Kok Leong, sebanyak 11 resolusi yang telah dibentangkan sepanjang mesyuarat tersebut di mana sembilan daripadanya telah mendapat persetujuan pemegang-pemegang saham.

Antara resolusi yang mendapat persetujuan para pemegang saham ialah pemilihan semula Pengerusinya, Datuk Azizan Abd. Rahman, Datuk Tham Ka Hon dan pelantikan semula Datuk Chin Poy Wu dalam lembaga pengarah E&O.

Mengulas lanjut katanya, beliau tidak mengetahui tindakan ECM Libra mahu melantik dua wakil mereka di dalam lembaga pengarah kerana apa yang diketahui ECM Libra bukanlah pemain hartanah di dalam industri di tanah air.

Namun ada spekulasi yang mengatakan usaha ECM Libra itu ada kaitan untuk 'menghalang' Sime Darby daripada menguasai syarikat hartanah tersebut.

Sime Darby muncul sebagai pemegang saham terbesar di dalam E&O bulan lepas selepas menguasai 30 peratus saham pada harga RM2.30 sesaham dari Ka Hon (12.2 peratus), Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah (9.1 peratus) dan G.K. Goh Holdings Ltd. (9.5 peratus).

Kok Leong berkata, perkembangan pemilikan Sime Darby ke atas E&O juga turut mendapat perhatian para pemegang saham yang ada di antaranya memohon untuk mendapat penjelasan ke atas urusan niaga tersebut.

"Kedua-dua pihak (Sime Darby dan E&O) akan mengadakan mesyuarat pertamanya pada Oktober ini, dan tiada sebarang perkembangan baru yang boleh dinyatakan selain daripada urusan transaksi yang berlaku baru-baru ini.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1001&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1001&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm)